



MALAY A1 – HIGHER LEVEL – PAPER 2
MALAIS A1 – NIVEAU SUPÉRIEUR – ÉPREUVE 2
MALAYO A1 – NIVEL SUPERIOR – PRUEBA 2

Tuesday 11 May 2004 (morning)
Mardi 11 mai 2004 (matin)
Martes 11 de mayo de 2004 (mañana)

2 hours / 2 heures / 2 horas

INSTRUCTIONS TO CANDIDATES

- Do not open this examination paper until instructed to do so.
- Answer one essay question only. You must base your answer on at least two of the Part 3 works you have studied. You may include in your answer a discussion of a Part 2 work of the same genre if relevant. Answers which are not based on a discussion of at least two Part 3 works, will not score high marks.

INSTRUCTIONS DESTINÉES AUX CANDIDATS

- N'ouvrez pas cette épreuve avant d'y être autorisé(e).
- Traitez un seul sujet de composition. Vous devez baser votre réponse sur au moins deux des œuvres de la 3^e partie que vous avez étudiées. Le cas échéant, vous pouvez inclure dans votre réponse une discussion sur une œuvre du même genre littéraire étudiée dans la 2^e partie du programme. Les réponses qui ne sont pas basées sur au moins deux des œuvres de la 3^e partie n'obtiendront pas une note élevée.

INSTRUCCIONES PARA LOS ALUMNOS

- No abra esta prueba hasta que se lo autoricen.
- Elija un tema de redacción. Su respuesta deberá basarse en al menos dos de las obras estudiadas en la Parte 3. Se podrán hacer comentarios sobre una obra de la Parte 2 del mismo género, si fuera necesario. Las respuestas que no incluyan una discusión sobre al menos dos obras de la Parte 3 no recibirán notas altas.

Jawab **satu** soalan esei sahaja. Jawapan anda hendaklah berdasarkan sekurang-kurangnya dua daripada karya-karya yang anda kaji dalam Bahagian 3. Anda boleh memasukkan ke dalam jawapan anda perbincangan dari satu karya dalam Bahagian 2 dari genre yang sama sekiranya ada perkaitan. Jawapan-jawapan yang **tidak** berdasarkan perbincangan dari sekurang-kurangnya dua karya dalam Bahagian 3, **tidak akan** mencapai markah yang tinggi.

Cerpen

1. Sama ada

- (a) Bandingkan bagaimana kekangan-kekangan teknikal yang terdapat pada cerpen mempengaruhi struktur plot pada cerpen-cerpen yang anda kaji dan apakah kesannya.

Atau

- (b) Yang manakah antara cerpen-cerpen yang telah anda baca, berjaya dalam memaparkan dengan jelas perwatakan dan penampilan sesuatu watak walaupun dalam ruang penceritaan yang begitu pendek? Huraikan teknik-teknik yang digunakan oleh penulis bagi mencapai tujuan ini.

Drama

2. Sama ada

- (a) Bincangkan bagaimana petunjuk-petunjuk gerak dan arahan pementasan yang terdapat pada dua atau tiga skrip drama yang anda kaji menimbulkan kesan dramatik pada diri anda. Rujuk secara khusus kepada skrip yang dibincangkan.

Atau

- (b) Elemen kejutan, sama ada melalui kemunculan sesuatu yang tidak dijangka atau perubahan keadaan, adalah satu unsur penting dalam menjayakan sesuatu drama. Bincang dengan berdasarkan kepada sekurang-kurangnya dua drama yang anda kaji.

Novel

3. *Sama ada*

- (a) Bincangkan penggunaan simbol-simbol dan/atau imejan dalam novel-novel yang anda kaji, dan nyatakan bagaimana reaksi anda terhadap aspek ini dalam fiksiyen.

Atau

- (b) Berdasarkan dua atau tiga novel yang anda kaji, nyatakan bagaimana pengarang berjaya menambat minat pembaca dengan menggunakan beberapa teknik penceritaan yang menarik.

Prosa Tradisional

4. *Sama ada*

- (a) Karya-karya prosa tradisional Melayu, mempunyai gaya penyampaian yang tersendiri baik dari segi perwatakan, latar dan jalan cerita. Dengan merujuk kepada dua karya prosa tradisional yang anda kaji, bandingkan perbezaan-perbezaan yang nyata dari pelbagai aspek kesusasteraan yang dapat anda kesan.

Atau

- (b) Unsur luar biasa menjadi salah satu ciri yang terdapat dalam prosa tradisional. Apakah pendapat anda tentang fungsi unsur-unsur ini dan apakah kesannya kepada cerita secara keseluruhannya?

Puisi

5. *Sama ada*

- (a) Kesedaran dan kefahaman mendalam tentang ciri-ciri dan fungsi “suara” yang kita dengar dalam sesuatu puisi itu adalah sangat penting dalam memahami hasrat penulis yang terdapat dalam karyanya. Sejauh manakah dan dengan apa carakah, penulis-penulis yang anda kaji menggunakan “suara” ini dalam puisi-puisi yang anda kaji dan apakah kesannya?

Atau

- (b) Selain daripada pemilihan kata, terdapat unsur-unsur lain dalam puisi Melayu yang boleh memberi kesan yang istimewa dan menarik. Dengan merujuk kepada karya-karya yang telah anda kaji, huraikan unsur-unsur yang anda anggap menarik dan kesannya kepada pembaca.

Am

6. Sama ada

- (a) “Lain pengarang lainlah tujuan penulisannya.” Berdasarkan kenyataan ini huraikan apa yang anda yakin yang merupakan tujuan utama yang terdapat pada mana-mana dua karya dari pengarang yang berbeza yang anda kaji. Bagaimanakah perbezaan itu terlihat, dan sejauh manakah anda rasai bahawa mereka telah mencapai tujuan tersebut.

Atau

- (b) “Kesusasteraan adalah sesuai bagi keperluan manusia untuk menyelami pemikiran seseorang.” Sejauh manakah pengarang-pengarang yang anda kaji memberikan pandangan-pandangan baru mengenai tingkah laku manusia dengan membawa anda meneroka alam ini melalui kaca matanya, dan apakah kesannya?

Atau

- (c) Merujuk kepada dua atau tiga karya yang anda kaji, bandingkan dan bezakan ide-ide dan pandangan yang dapat anda rasai, dengan menyatakan bagaimana ide-ide dan pandangan ini disampaikan kepada pembaca dan bagaimana ianya penting dalam usaha menilai mutu setiap karya itu.

Atau

- (d) Bincangkan penggunaan simbol dan/atau imejan yang terdapat pada karya-karya yang anda kaji, dan nyatakan bagaimana sambutan anda kepada aspek fiksyen ini.
-